



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
No. 16

29hb Julai 2004

*TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN*

Tr. P.U. 1.

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
(TERENGGANU) 1422H/2001M

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
(JAWATANKUASA MASJID) 2004

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M [*En. Tr. No. 2/2001*], Majlis dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan berikut:

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Jawatankuasa Masjid) 2004** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *warta*.

Tafsiran

2. Dalam peraturan ini, melainkan jika kandungannya menghendaki makna yang lain—

‘Anak Qaryah’ hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Enakmen ini;

'Enakmen' ertinya Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M;

'Jawatankuasa' ertinya Jawatankuasa Masjid yang ditubuhkan melalui peraturan-peraturan ini;

'Majlis' hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Enakmen;

'Masjid' hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Enakmen;

'Masjid Mukim' ertinya sesebuah masjid dalam sebuah mukim masjid sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya dan termasuk masjid-masjid kerajaan;

'Pesuruhjaya' hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Enakmen.

Jawatankuasa masjid dan ahli-ahli dan kuasa Pesuruhjaya

3. (1) Tiap-tiap masjid mukim hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang mengandungi—

- (a) Seorang Pengerusi.
- (b) Seorang Timbalan Pengerusi.
- (c) Seorang Setiausaha.
- (d) Seorang Bendahari.
- (e) Tidak lebih daripada dua belas orang ahli lain.

(2) Jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan enam orang ahli hendaklah dilantik oleh Pesuruhjaya.

(3) Lima orang ahli jawatankuasa hendaklah dipilih oleh anak qaryah dan dilantik oleh Pesuruhjaya.

(4) Tiap-tiap ahli hendaklah dilantik selama tempoh tidak lebih daripada 3 tahun, melainkan dia meletakkan jawatannya atau diberhentikan dari jawatannya atau meninggal dunia.

(5) Seorang ahli yang tempoh jawatannya telah tamat boleh dilantik semula.

(6) Jika dengan sesuatu sebab seseorang ahli itu tidak berupaya atau tidak berdaya menjalankan kewajibannya atau tidak menghadiri mesyuarat jawatankuasa tiga kali berturut-turut dengan tidak ada kebenaran Pengerusi, ahli itu hendaklah disifatkan sebagai telah mengosongkan jawatannya.

(7) Jika mana-mana ahli meninggal dunia, meletakkan jawatan, atau diberhentikan atau disifatkan sebagai telah mengosongkan jawatannya, maka jawatan yang dikosongkan itu hendaklah diisikan dengan kaedah perlantikan yang serupa dengan perlantikan ahli yang mengosongkan jawatan tersebut.

(8) Pesuruhjaya boleh menamatkan, memberhentikan atau memecat mana-mana ahli jawatankuasa melalui notis bertulis.

Pengurusan masjid

4. Jawatankuasa hendaklah menguruskan semua Pentadbiran Masjid yang berkaitan.

Kekerapan mesyuarat

5. Mesyuarat biasa jawatankuasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam masa 3 bulan.

Mesyuarat khas atau tergepar

6. (1) Jika sesuatu urusan memerlukan keputusan jawatankuasa, Pengerusi bolehlah mengadakan satu mesyuarat khas jawatankuasa pada bila-bila masa.

(2) Pengerusi hendaklah mengadakan satu mesyuarat tergepar jawatankuasa dalam masa dua hari setelah menerima permintaan bertulis yang ditandatangani oleh tidak kurang daripada tiga orang ahli-ahli jawatankuasa. Permintaan seumpama itu hendaklah membentangkan perkara atau perkara-perkara yang hendak dibawa ke mesyuarat.

Pemberitahu mesyuarat

7. Setiausaha hendaklah memberitahu sekurang-kurangnya dua hari mengenai segala mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa dengan mengirimkan kepada tiap-tiap ahli notis mesyuarat yang dihantar melalui pos, faksimile, e-mail atau dengan cara lisan.

Dengan syarat bahawa ketinggalan yang tidak disengajakan untuk mengedarkan notis mesyuarat tersebut kepada mana-mana ahli atau sekiranya mana-mana ahli tidak menerima notis mesyuarat, hal seperti ini hendaklah tidak membatalkan persidangan sebarang mesyuarat jawatankuasa tersebut.

Dan seterusnya disyaratkan Pengerusi bolehlah membatalkan kehendak notis tersebut pada masa kecemasan.

Urusan mesyuarat khas atau tergepar

8. Urusan lain tidak boleh dibincangkan dalam mesyuarat khas atau tergepar selain daripada apa yang dinyatakan di dalam notis mesyuarat tersebut.

Prosedur di mesyuarat

9. (1) Kuorum mesyuarat jawatankuasa ialah tujuh orang.

(2) Semua mesyuarat jawatankuasa hendaklah diketuai oleh Pengerusi. Jika Pengerusi tidak hadir, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih salah seorang daripada mereka supaya mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Pengerusi hendaklah menetapkan susunan perkara-perkara dalam sesuatu mesyuarat.

(4) Semua persoalan dalam sesuatu persidangan mesyuarat hendaklah diputuskan oleh bilangan terbesar ahli-ahli yang hadir dan mengundi sendiri, dan tiap-tiap seorang ahli yang hadir adalah berhak mempunyai satu undi dan sekiranya bilangan undi sama banyak maka pemutus hendaklah dibuat oleh Pengerusi.

Penasihat kepada Jawatankuasa

10. (1) Jika difikirkan perlu, jawatankuasa bolehlah mendapat panduan, fikiran atau nasihat daripada Pesuruhjaya atau seorang yang berkelayakan.

(2) Pesuruhjaya bolehlah melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi Penasihat kepada jawatankuasa.

Tandatangan cek

11. Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari adalah bertanggungjawab menandatangani cek-cek atau lain-lain kenyataan pengeluaran wang.

Minit

12. Setiausaha hendaklah menyimpan minit segala Mesyuarat Jawatankuasa.

Tanggungjawab Bendahari

13. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan masjid dan hendaklah menjaga dan menyimpan kira-kira berkenaan dengan semua perkara kewangan.

Pemeriksa Kira-kira

14. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), dua orang pemeriksa kira-kira hendaklah dilantik oleh Pesuruhjaya.

(2) Dua orang pemeriksa kira-kira yang dilantik itu hendaklah selain daripada ahli-ahli jawatankuasa.

Penggunaan wang masjid, kuasa belanja wang masjid dan penyata kewangan

15. (1) Wang masjid bolehlah digunakan untuk perkara-perkara berfaedah bagi menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan, termasuklah pembelian peralatan dan penyelenggaraan masjid.

(2) Bendahari boleh dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM300.00 pada suatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu hendaklah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh jawatankuasa dalam tempoh 3 hari.

(3) Kuasa-kuasa kelulusan perbelanjaan kumpulan wang masjid adalah seperti berikut:

- (a) Perbelanjaan yang kurang daripada RM200.00 pada suatu masa bolehlah diluluskan oleh Pengerusi.
- (b) Perbelanjaan yang melebihi RM200.00 hingga RM10,000.00 pada suatu masa hendaklah mendapat mandat atau kelulusan jawatankuasa.
- (c) Perbelanjaan yang melebihi RM10,000.00 pada suatu masa hendaklah mendapat kelulusan daripada Pesuruhjaya.

(4) Penyata dari hal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta penyata kewangan bagi setahun, hendaklah disediakan dalam tempoh dua bulan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira setelah tamat tahun kewangan. Penyata kewangan ini hendaklah dimaklumkan kepada anak qayah.

(5) Tahun kewangan masjid bermula 1 Januari dan berakhir 31 Disember, tiap-tiap tahun.

Surat perlantikan dan senarai nama ahli

16. Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan surat perlantikan jawatankuasa sesebuah masjid kepada Pengerusi Masjid berkenaan dan menyenaraikan nama-nama ahli jawatankuasa yang telah dilantik untuk makluman umum.

Pembatalan

17. Kaedah-kaedah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pentadbiran Masjid-Masjid) 1987 [Tr. P.U. 23] bertarikh 3 Disember 1987 adalah dengan ini dibatalkan.

Bertarikh 28 Julai 2004.

[MB. Tr.(S) 6/60 Bhg. 9; PUN. Tr. 15/100]

Dengan Titah Perintah

DATO' SERI IDRIS BIN JUSOH

Yang Amat Berhormat Menteri Besar

Terengganu

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA